

» PAS, DAP diramal renggang jika Hadi kekalkan jawatan



**MOHD IZANI
MOHD ZAIN**

Pemilihan kepemimpinan 2015-2017 pada Muktamar Tahunan PAS Ke-61 minggu ini, dilihat penting dalam laluan mencorakkan barisan yang akan menerajui parti itu menjelang pilihan raya umum (PRU) akan datang, selain menentukan hala tuju PAS dalam konteks pakatan pembangkang.

Buat pertama kali sejak mengambil alih sebagai pemangku presiden berikutan kematian Datuk Fadzil Noor pada tahun 2002, Datuk Seri Hadi Awang akan dicabar oleh bekas Naib Presiden PAS, Ahmad Awang.

Persaingan ini disifatkan sebagai pertembungan antara ulama. Sebelum aktif menyertai PAS, Ahmad pernah dilantik

Saingan kerusi presiden pertembungan dua suara

sebagai Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dari tahun 1981 hingga 1999.

Selepas krisis politik negara pada tahun 1998, Ahmad bergerak aktif dalam PAS. Beliau bertanding atas tiket PAS bagi kerusi Parlimen Bagan Serai dalam PRU 1999 dan 2004 tetapi tewas kepada calon Barisan Nasional (BN), Datuk Zainal Abidin Zin.


Ahmad adalah tokoh ulama dihormati namun namanya belum besar dalam politik. Kesediaannya mencabar Hadi adalah tindakan berani kerana pemimpin kanan PAS sendiri ragu-ragu berbuat demikian.

Naib Presiden PAS, Datuk Husam Musa menolak pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Beliau yang dianggap pemimpin pelapis PAS dinamik, dianggap menghormati pimpinan parti sedia ada dan terdahulu.


Banyak pihak melihat Ahmad bukan bertanding atas kapasiti individu, sebaliknya mewakili kumpulan dalam PAS yang menentang pimpinan Hadi. Malah, beliau juga didakwa beberapa pihak sebagai proksi DAP yang menolak Hadi.

Miliki tarikan tersendiri

Hadi adalah pemimpin yang memiliki tarikan tersendiri. Paling diingati pastinya 'Amanat Haji Hadi' tahun 1981 yang



Hadi Awang



Ahmad Awang

mencetuskan polemik besar dalam wacana politik khususnya politik Islam di Malaysia. Impaknya mendorong PAS dilabel parti ekstrem dan radikal, selain menimbulkan isu kafir-mengkafir.

Beliau adalah antara pemimpin PAS yang diberi kepercayaan menulis dan merangka kertas konsep tahaluf siyasi yang menjadi model dan rujukan kepada kerjasama politik PAS.

Ketika Hadi mengambil alih teraju PAS selepas Fadzil meninggal dunia, PAS mempunyai hubungan kurang baik dengan DAP. Setahun sebelumnya, DAP keluar daripada pakatan pembangkang atas alasan kedegilan PAS yang mahu terus memperjuangkan Negara Islam.

Kehilangan besar

Pemergian Fadzil dianggap ke-

hilangan besar buat PAS. Ini kerana Allahyarham adalah peneraju dan arkitek utama kepada pembentukan awal kerjasama politik parti pembangkang pada tahun 1998.

Banyak pihak melihat Fadzil sebagai pemimpin yang lebih terbuka dan bertolak-ansur berbanding Hadi. Mereka terpesona dengan keterbukaan dan kebijakan politik Fadzil menghulur tangan untuk bekerjasama dengan Anwar yang sebelumnya banyak menghentam PAS.

Namun di sebalik keterbukaan Fadzil, beliau tegas mempertahankan dasar perjuangan PAS hingga DAP keluar daripada pakatan pembangkang pada tahun 2001 kerana tidak setuju dengan pembentukan Negara Islam.

Hadi tidak setegas Fadzil. Da-

lam era kepemimpinannya, PAS banyak berlembut dan bertolak-ansur demi kepentingan politik. Contoh paling jelas apabila slogan Negara Islam diganti dengan Negara Berkeadilan pada tahun 2011.

Sikap berlembut Hadi selama ini akhirnya menjadi senjata makan tuan. Justeru, tidak hairanlah jika Hadi semakin bertegas dan kini hukum hudud menjadi senjata membuktikan PAS tidak berkompromi dalam mempertahankan dasar perjuangannya.

Jika Hadi kekal sebagai presiden, hubungan PAS dan DAP diramal semakin buruk. Bagaimanapun, ketika Hadi mula memimpin PAS, hubungan PAS dan DAP cukup tegang. Dalam era kepemimpinannya, kerjasama politik antara dua parti itu semakin pulih hingga pakatan pembangkang memenangi banyak kerusi dalam PRU 2008 dan 2013.

DAP mungkin tidak memerlukan Hadi kerana berasakan dirinya kuat tetapi tanpa mengiktiraf Hadi, DAP sepatutnya malu untuk bekerjasama dengan PAS.



Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)